



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 24 JULAI 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MARITIM MALAYSIA TAHAN EMPAT NELAYAN THAILAND, DALAM NEGERI, UM -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	NANAS JANA EKONOMI MAAHAD TAHFIZ, NASIONAL, BH -7	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
3.	JELERU HAS POTENTIAL TO BE MAJOR DURIAN PRODUCER, NATIONAL, THE SUN -4	LAIN-LAIN
4.	'KERAJAAN TURUN PADANG PASTIKAN BUDI MADANI BERMANFAAT KEPADA RAKYAT', SUARA KEADILAN -ONLINE	
5.	MENTERI DEDAH 6.5 JUTA LITER DIESEL DISALAH GUNA, DISELUDUP SETIAP HARI, HM -ONLINE	
6.	6.5 JUTA LITER DIESEL DISALAH GUNA SEHARI, LOKAL, HM -13	
7.	JUALAN DIESEL JATUH MERUNDUM -MOF, NASIONAL, SH -9	
8.	HIGH DAILY DIESEL ABUSE BEFORE TARGETED SUBSIDY, NATION, THE STAR -14	
9.	BERTINDAK SEGERA TERHADAP PENJUALAN RACUN MAKHLUK PEROSAK HARAM, FORUM, HM -18	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Maritim Malaysia tahan empat nelayan Thailand

GEORGE TOWN: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan (VNT) serta empat nelayan warga Thailand di perairan Teluk Kampi, di sini awal pagi semalam, kerana menangkap ikan secara haram.

Pengarah Maritim Negeri Pulau Pinang, Kepten Maritim Razali Kasim berkata, VNT kelas C itu ditahan oleh pasukan peronda Maritim Pulau Pinang di kedudukan 11.1 kilometer (km) ke barat Teluk Kampi, kira-kira pukul 5.00 pagi.

"Pada awalnya, bot peronda hanya menjalankan rutin penguatkuasaan sebelum melakukan pemeriksaan terhadap sebuah VNT yang pada ketika itu dilihat berada dalam keadaan

mencurigakan.

"Bot penguatkuasa seterusnya bertindak menghampiri VNT berkenaan dan mendapati berlakunya satu aktiviti perikanan di bawah 27.7 km iaitu melakukan aktiviti menangkap ikan tidak mengikut syarat sah lesen VNT kelas C," katanya di sini, semalam.

Menurut beliau, pemeriksaan lanjut kemudiannya mendapati, terdapat empat kru warga Thailand berusia dalam lingkungan umur antara 42 hingga 64 tahun sedang bekerja di VNT berkenaan.

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 8(b) mengikut Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat sah lesen di mana mereka menangkap ikan di bawah 15.0 batu nautika," katanya.



EMPAT nelayan Thailand ditahan oleh Maritim Malaysia kerana menangkap ikan tidak mengikut syarat sah lesen, semalam.

Nanas jana ekonomi maahad tahfiz

LPNM beri geran bantuan tanaman, baja mampu beri pulangan hingga RM70,000 bagi setiap ekar

Oleh **Norzamira Che Noh**
bhnews@bh.com.my

Banting: Tidak mahu terlalu bergantung kepada sumbangan dalam menguruskan pusat pengajian, Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Fiqah di Kampung Tongkah, Morib dekat sini tampil mengusahakan tanaman nanas jenis MD2 untuk menjana pendapatan.

Mudir Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Fiqah, Ahmad Zulfadhli Ahmad Rafai, 40, berkata tapak pusat berkenaan pada asalnya adalah kebun hujung minggu bapanya sebelum dibina sebagai maahad tahfiz.

Beliau berkata, dengan wang



infaq bapanya membeli beberapa ekar tanah di kawasan berkenaan menjadikan keseluruhan luas tanah di kawasan maahad itu adalah 15 ekar.

"Disebabkan tanah yang luas, saya membuat buat keputusan untuk usahakan tanaman nanas. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerja mengajar pula dilakukan secara dalam talian jadi saya mula beli 1,000 sultur pokok

MD2 dan tanam secara manual. "Selepas itu, tanam secara berperingkat dan kini ada 100,000 pokok nanas di atas tujuh ekar tanah.

"Tujuan kita (usahakan kebun nanas) nak hilangkan persepsi masyarakat bahawa maahad ini bergantung kepada sumbangan. Kita nak buktikan kita berusaha mencari pendapatan sendiri.

"Kita bukan mengatakan minta sumbangan itu salah tetapi kita tidak mahu terlalu bergantung pada sumbangan, selain mahu maahad ini ada sumber kewangan sendiri," katanya ketika ditemui di Kampung Tongkah, Morib dekat sini, baru-baru ini.

Tuai hasil berperingkat

Usaha pusat pengajian itu turut mendapat sokongan daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dalam bentuk



Ahmad Zulfadhli menunjukkan hasil tanaman nanas di Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Fiqah di Kampung Tongkah, Morib. (Foto Faiz Anuar /BH)

geran bantuan tanaman iaitu sultur tanaman dan baja.

Ahmad Zulfadhli berkata, sejak ini pihaknya sudah menuai hasil nanas di empat ekar tanah dan dituai secara berperingkat.

Katanya, setiap ekar tanaman nanas yang dituai boleh memberi pulangan antara RM40,000 hingga RM70,000 bagaimanapun, ia bergantung kepada penghasilan buah berikutnya ada buah yang kecil serta rosak.

"Selepas ini, rancangan saya adalah penuhkan semua tanah

yang ada dengan tanaman nanas selain menjadikan kawasan ini sebagai agropelancongan di bawah produk nanas.

"Kawasan ini dekat dengan Pantai Morib dalam 800 meter saja, jadi ia peluang untuk kami jadikannya sebagai agropelancongan dan pusat pengumpulan produk daripada pengusaha kebun di kawasan ini.

"Saya juga merancang untuk membuat produk sendiri berasaskan nanas seperti jus, sambal dan lain-lain," katanya.



**SAMBUTAN 100 TAHUN MAHA
MAHA 2024**
11-22 SEPT. 2024 | MAEPS SERDANG, SELANGOR



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/7/2024	THE SUN	NATIONAL	4

Jelebu has potential to be major durian producer

SEREMBAN: Several areas in Jelebu have been identified for initial durian planting projects as part of efforts to make the district the largest durian producer for export, said Negeri Sembilan Agriculture, Food Security and Cost of Living Action Committee chairman Datuk Seri Jalaluddin Alias.

He said part of the Permanent Food Production Park there is recommended for durian planting, as well as involving smallholders with cultivable land.

According to him, various quality durian varieties are grown in orchards in the district, including Musang King, Tekka, Black Thorn, IOI and high-quality D24.

"I expect that in five to six years, Jelebu will have the potential to become a district producing quality durian and we also plan to establish a durian processing factory.

"All of these are in the discussion phase and a programme to train durian cultivation also needs to be implemented," he said after officiating at the Negeri Sembilan Mara Educational Institutions Carnival 2024 on Monday.

— Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/7/2024	SUARA KEADILAN	ONLINE	

'Kerajaan turun padang pastikan BUDI MADANI bermanfaat kepada rakyat'



Kerajaan sedang giat mengadakan sesi libat urus dan turun padang bagi memastikan petani dan pekebun kecil terus mendapat manfaat Program Bantuan Subsidi MADANI.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, kerjasama melibatkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dibuat bagi

membolehkan pendaftaran secara langsung kepada para petani dan pekebun kecil.

"Setakat ini lebih 100 sesi telah diadakan KPKM dan Kementerian Perlindungan dan Komuniti (KPK) serta jabatan dan agensi pelbagai di semua lokasi seluruh negara.

"Kerajaan akan sentiasa memantau situasi semasa, termasuk pelaksanaan penyasaran semula subsidi diesel dan menambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan golongan yang memerlukan terus mendapat perhatian kerajaan," katanya di Persidangan Dewan Negara, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Senator Datuk Dr Azhar Ahmad mengenai langkah kerajaan dalam memastikan golongan yang layak mendapat bantuan subsidi diesel tidak ketinggalan, terutama di luar bandar.

Mengulas lanjut kata Amir, kerajaan telah menyediakan bantuan tunai RM200 sebulan kepada petani dan pekebun kecil yang ditakrifkan jualan hasil mereka RM50,000 hingga RM300,000 setahun.

"Berdasarkan bantuan tersebut, petani dan pekebun kecil yang memenuhi kelayakan dengan berdaftar ke portal Geo Agro KPKM dan agensi di bawah KPK layak memohon bantuan tunai RM200 sebulan.

"Selain itu, petani dan pekebun kecil yang layak turut mendapat bantuan SKDS 2.0 bagi kenderaan logistik supaya kos pengangkutan pengeluaran ke pasaran tidak meningkat," ujarnya lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/7/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Menteri dedah 6.5 juta liter diesel disalah guna, diseludup setiap hari



Kuala Lumpur: Sekurang-kurangnya 6.5 juta liter diesel sehari disimpulkan disalah guna oleh industri atau diseludup ke negara jiran sebelum penyasaran semula subsidi dilaksanakan, menurut Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata penyasaran semula subsidi diesel menyaksikan pengurangan jualan sebanyak 23 peratus atau 6.5 juta liter sehari dari stesen minyak di Semenanjung Malaysia.

Amir Hamzah berkata purata jualan harian diesel dari stesen minyak seluruh Semenanjung Malaysia pada awal Jun adalah 28.6 juta liter sehari, manakala pada awal bulan ini, purata jualan harian diesel menurun kepada 22.2 juta liter sehari.

"Kesimpulan ini disokong dengan data yang menunjukkan jualan diesel secara komersial telah meningkat sebanyak 4.8 juta liter sehari bagi tempoh perbandingan yang sama.

"Memandangkan kini harga di stesen minyak adalah pada RM3.35 seliter, pihak industri yang sebelum ini membeli diesel bersubsidi telah beralih balik kepada membeli diesel secara komersial," katanya di Dewan Negara hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Datuk Dr Azhar Ahmad, Senator Datuk Shamsuddin Abd Ghaffar dan Senator Datuk Abdul Halim Suleiman yang secara kolektif ingin tahu berkaitan keberkesanan inisiatif Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) selepas penyasaran subsidi diesel.

Menurut Amir Hamzah, pada masa sama terdapat stesen minyak di kawasan utara Semenanjung Malaysia berdekatan dengan sempadan yang mengalami kejatuhan jualan diesel 40 hingga 50 peratus selepas penyasaran subsidi diesel dilaksanakan.

"Keadaan ini memaparkan kejatuhan aktiviti penyeludupan ke negara jiran disebabkan pengurangan margin keuntungan penyeludup," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan telah menyediakan bantuan tunai RM200 sebulan bagi petani kecil dan pekebun kecil yang ditakrifkan menghasilkan jualan pertanian antara RM50,000 dan RM300,000 setahun.

Berdasarkan bantuan itu, petani kecil dan pekebun kecil yang memenuhi syarat kelayakan dan berdaftar dengan portal GeoAgro Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

dan agensi di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi, layak memohon untuk bantuan tunai.

"Pada masa yang sama, petani kecil dan pekebun kecil yang layak, turut dapat memanfaatkan bantuan Skim Kenderaan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 bagi kenderaan logistik supaya kos pengangkutan pengeluaran ke pasaran tidak meningkat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/7/2024	HARIAN METRO	LOKAL	13

6.5 juta liter diesel disalah guna sehari

Kuala Lumpur: Sekurang-kurangnya 6.5 juta liter diesel sehari disimpulkan disalah guna oleh industri atau diseludup ke negara jiran sebelum penyasaran semula subsidi dilaksanakan, menurut Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata, penyasaran semula subsidi diesel menyaksikan pengurangan jualan sebanyak 23 peratus atau 6.5 juta liter sehari dari stesen minyak di Semenanjung.

Amir Hamzah berkata, purata jualan harian diesel dari stesen minyak seluruh Semenanjung pada awal Jun lalu adalah 28.6 juta liter sehari, manakala pada awal bulan ini, purata jualan harian diesel menurun kepada 22.2 juta liter sehari.

"Kesimpulan ini disokong dengan data yang menunjukkan jualan diesel secara komersial sudah meningkat 4.8 juta liter sehari bagi tempoh perbandingan sama.

"Memandangkan kini harga di stesen minyak adalah pada RM3.35 seliter, pihak industri yang sebelum ini membeli diesel bersubsidi beralih balik kepada membeli diesel secara komersial," katanya di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Senator Datuk Dr Azhar Ahmad, Senator Datuk Shamsuddin Abd Gaffar dan Senator Datuk Abdul Halim Suleiman** yang secara kolektif ingin tahu berkaitan keberkesanan inisiatif Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) selepas penyasaran subsidi diesel.

Menurut Amir Hamzah, pada masa sama terdapat stesen minyak di kawasan utara Semenanjung berdekatan dengan sempadan yang mengalami kejatuhan jualan diesel 40 hingga



Memandangkan kini harga di stesen minyak adalah pada RM3.35 seliter, pihak industri yang sebelum ini membeli diesel bersubsidi beralih balik kepada membeli diesel secara komersial"

Amir Hamzah

50 peratus selepas penyasaran subsidi diesel dilaksanakan.

"Keadaan ini memaparkan kejatuhan aktiviti penyeludupan ke negara jiran disebabkan pengurangan margin keuntungan penyeludup," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan sudah menyediakan bantuan tunai RM200 sebulan bagi petani kecil dan pekebun kecil yang ditakrifkan menghasilkan jualan pertanian antara RM50,000 dan RM300,000 setahun.

Berdasarkan bantuan itu, petani kecil dan pekebun kecil yang memenuhi syarat kelayakan dan berdaftar dengan portal GeoAgro Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan agensi di bawah Kementerian Perlindungan dan Komoditi, layak memohon untuk bantuan tunai.

Jualan diesel jatuh merudum - MOF

Ada pengusaha stesen minyak di sempadan alam kejatuhan jualan diesel sehingga 50 peratus kesan penyasaran subsidi

KUALA LUMPUR

Sebelum penyasaran semula subsidi dilaksanakan. Menurut Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, penyasaran itu menyaksikan pengurangan jualan sehingga 23 peratus atau 6.5 juta liter sehari.

"Purata jualan harian diesel dari stesen minyak seluruh Semenanjung pada awal Jun

adalah 28.6 juta liter sehari manakala pada awal bulan ini, angka ini menurun kepada 22.2 juta liter sehari.

"Data menunjukkan jualan diesel secara komersial meningkat 4.8 juta liter sehari bagi

tempoh sama.

"Memandangkan kini harga diesel di stesen minyak adalah RM3.35 seliter, pihak industri yang sebelum ini membeli diesel bersubsidi beralih kepada komersial," katanya di Dewan

Negara pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Datuk Dr Azhar Ahmad, Senator Datuk Shamsuddin Abd Ghaffar dan Senator Datuk Abdul Halim Suleiman yang secara kolektif

FOTO: SUMBER INTERNET



Penyasaran subsidi diesel menyebabkan ada stesen minyak di sempadan utara tanah air mengalami kejatuhan jualan. Gambar kecil: Amir.

ingin tahu keberkesanan inisiatif Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) selepas penyasaran subsidi diesel.

Menurut Amir Hamzah, pada masa sama terdapat stesen minyak di utara Semenanjung berdekatan sempadan mengalami kejatuhan jualan diesel 40 hingga 50 peratus selepas penyasaran subsidi diesel dilaksanakan.

"Keadaan ini memaparkan kejatuhan aktiviti penyeludupan disebabkan pengurangan margin keuntungan penyeludup," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan menyediakan bantuan tunai RM200 sebulan kepada petani dan pekebun kecil ditakrifkan menghasilkan jualan pertanian antara RM50,000 dan RM300,000 setahun.

Katanya, petani dan pekebun kecil yang memenuhi syarat ke-layakan dan berdaftar layak untuk memohon bantuan tunai selain menerima bantuan Skim Kenderaan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0. -Bernama

High daily diesel abuse before targeted subsidy

KUALA LUMPUR: At least 6.5 million litres of diesel were misappropriated by industries or smuggled into neighbouring countries daily before the targeted diesel subsidy was introduced, according to the Finance Ministry.

Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan said the rationalisation of the diesel subsidy had led to a daily decrease of 23%, or 6.5 million litres, in diesel sales at Peninsular Malaysia's petrol stations.

He noted that average daily diesel sales dropped from 28.6 million litres in early June to 22.2

million litres in early July.

"This conclusion is supported by data showing that daily commercial diesel sales increased by 4.8 million litres over the same comparison period.

"Given that the current price at petrol stations is RM3.35 per litre, industries that previously purchased subsidised diesel have now switched to commercial diesel," he informed the Dewan Negara.

According to Bernama, he was responding to questions from Senators Datuk Dr Azhar Ahmad, Datuk Shamsuddin Abd Ghaffar and Datuk Abdul Halim Suleiman,

who had collectively inquired about the effectiveness of the Madani Subsidy Assistance (Budi Madani) initiative following the diesel subsidy rationalisation.

Amir Hamzah clarified that some petrol stations near the border in northern Peninsular Malaysia had experienced a drop in diesel sales of up to 50% since the measure took effect.

"This situation reflects a decrease in smuggling activities to neighbouring countries due to reduced profit margins for smugglers," he added.

Meanwhile, the minister said the government provided a

monthly RM200 cash aid for small farmers and smallholders whose annual sales fell between RM50,000 and RM300,000.

He added that eligible small farmers and smallholders registered with the GeoAgro portal of the Ministry of Agriculture and Food Security and agencies under the Ministry of Plantation and Commodities could apply for this assistance.

"Eligible small farmers and smallholders can also benefit from the Subsidised Diesel Vehicle Scheme (SKDS) 2.0 for logistics vehicles to prevent raising transportation costs," he said.



TINJAUAN menunjukkan bahawa racun makhluk perosak haram masih dijual secara terbuka di pasaran.

Bertindak segera terhadap penjualan racun makhluk perosak haram

SAUDARA PENGARANG.

PERSATUAN Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Lembaga Racun Makhluk Perosak untuk segera membanteras dan mengambil tindakan keras terhadap penjualan racun makhluk perosak haram di negara ini.

Baru-baru ini, dua kanak-kanak lelaki terkorban akibat memakan keropok yang dicampur dengan racun tikus.

Bungkusan racun kosong yang dibuka dan tertera tulisan Cina ditemui pasukan Kementerian Kesihatan yang melakukan pemeriksaan di sekitar lokasi kejadian. Tinjauan yang dijalankan oleh CAP selama bertahun-tahun menunjukkan bahawa racun makhluk perosak haram masih dijual secara terbuka di pasaran di Pulau Pinang dan Baling, Kedah.

Racun makhluk perosak ini yang kebanyakannya dari China tidak mendedahkan bahan kimia aktif pada label. Ia juga tidak mempunyai penerangan atau arahan yang mencukupi bagi pengendalian, penggunaan atau penyimpanan, ini merupakan satu pelanggaran Kod Etika Antarabangsa mengenai Pengurusan Racun Makhluk Perosak dan Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

Racun makhluk perosak ini boleh dibeli dari kedai yang menjual bahan kimia pertanian. Seliter racun itu dijual dengan harga RM32 dalam botol tidak berlabel selain mudah didapati secara dalam talian.

Laporan Rangkaian Tindakan Racun Makhluk Perosak Asia dan Pasifik (PANAP) 2023 memperincikan bagaimana kelemahan kawal selia membenarkan penjualan Racun Makhluk Perosak Sangat Berbahaya (HHP) di Malaysia.

Siasatan PANAP mendedahkan bahawa tiga HHP yang diharamkan (paraquat, endosulfan, dan profenophos) di Malaysia dijual secara terbuka di platform e-dagang.

Memandangkan itu, CAP menggesa Lembaga Racun Makhluk Perosak untuk mengambil tindakan keras terhadap penjualan racun makhluk perosak haram di negara ini, menguatkuasakan dengan tegas Akta Racun Perosak 1974, mendidik petani mengenai kesihatan dan kesan alam sekitar daripada racun selain menyediakan cara yang lebih selamat untuk menghapuskan makhluk perosak seperti ternakan itik di sawah padi.

Agroekologi atau pertanian yang menggantikan bahan kimia toksik dengan amalan yang selaras dengan alam semula jadi perlu diiktiraf, diutamakan dan disokong sebagai amalan pertanian yang baik.

Agroekologi telah terbukti menghasilkan hasil pertanian yang lebih selamat, bukan hanya untuk pengguna tempatan dan pasaran eksport.

MOHIDEEN ABDUL KADER
Presiden Persatuan Pengguna
Pulau Pinang (CAP)